

BAHASA MELAYU (TAHUN 3 UMAR)

Tajuk : Kata Adjektif
Kemahiran : Tatabahasa

Arahan : Sila **seret** jawapan yang sesuai pada ruangan kosong.



1. _____ sungguh pemandangan hutan di kawasan Air Terjun Chamang itu.

a) Indah
b) Muram
c) Kelam
d) Sayup



2. Rania berasa _____ semasa meraikan hari jadinya.

a) pilu
b) sedih
c) cemas
d) gembira



3. Penyanyi yang mempunyai suara _____ itu mendapat tepukan gemuruh daripada penonton.

a) serak
b) garau
c) merdu
d) nyaring

4. Abdul menjolok buah rambutan itu dengan menggunakan sebatang galah yang _____.

a) panjang
b) pendek
c) tinggi
d) besar



5. Murid-murid Tahun 5 Bestari sangat _____ dan hormat kepada guru-guru mereka.

a) baik
b) malu
c) takut
d) patuh



6. Asam jawa selalu digunakan oleh emak untuk menghilangkan bau _____ ikan air tawar.

a) hapak
b) busuk
c) hanyir
d) hancing



7. Air sungai tu _____ kerana sampah-sarap dibuang ke dalamnya.

a) jernih
b) hitam
c) kotor
d) bersih

8. Cuaca malam ini _____ kerana petang tadi hujan turun dengan lebatnya.

a) sejuk
b) damai
c) panas
d) nyaman



9. Pengawas lelaki itu sering membawa buku _____ di dalam poket seluarnya.

- a) kecil
- b) tebal
- c) besar
- d) panjang



10. Rodziah yang ringan mulut itu sungguh _____ dengan semua orang walaupun dengan orang yang baru dikenalnya.

- a) sombong
- b) senang
- c) ramah
- d) kasar